



**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor/Pembekal Pembangunan Hutan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** di bawah Bidang Kod yang berkaitan dan bertaraf **Bumiputera** serta berdaftar dengan **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang** seperti butiran di bawah dengan pendaftaran masih sah tempohnya adalah di pelawa untuk membuat tawaran harga bagi kerja-kerja berikut:-

NO. TAWARAN	TAJUK PROJEK	SIJIL KELAYAKAN	MAKLUMAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
PHN. PHG. 12/2023 (PSNB)	Perkhidmatan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) di HS Ulu Jelai, Daerah Hutan Lipis seluas ± 144.84 ha iaitu; i. Bekas Lesen CL-01-04-20(KP), Kompt. 75-A, Seluas ±47.35 ha; ii. Bekas Lesen CL-01-5-20(KP), Kompt. 76-A, Seluas ±59.49 ha; dan iii. Bekas Lesen CL-01-8-20(KP), Kompt. 180 Dan 163, Seluas ±38.00 ha.	Kementerian Kewangan Kod Bidang 222104/222105	Tarikh: 20 Januari 2023 (Jumaat) Masa: 9.00 pagi Tempat berkumpul: Pejabat Pembangunan Hutan Terenggun, Lipis	30 Januari 2023 (Isnin) Masa 12:00 Tengahari
PHN. PHG. 13/2023 (PSNB)	Perkhidmatan Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-F) di HS Kelau, Daerah Hutan Raub seluas ± 250.69 ha iaitu; i. Bekas Lesen CC-01-2-20 (KP), Kompt. 27-A, seluas ± 112.29ha ii. Bekas Lesen CC-01-5-20 (KP), Kompt. 25, seluas ± 138.40 ha	Kementerian Kewangan Kod Bidang 222104/222105	Tarikh: 19 Januari 2023 (Khamis) Masa: 3.00 ptg Tempat berkumpul: Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Raub	30 Januari 2023 (Selasa) Masa 12:00 Tengahari

2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh tersebut dengan menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4X4) bagi tujuan lawatan ke lapangan. Hanya penama dalam lesen sahaja dibenarkan menyertai lawatan tapak. Wakil tidak dibenarkan bagi tujuan ini. Kontraktor yang tidak menghadiri lawatan tapak tidak dibenarkan membeli borang sebutharga.

3. Borang-borang Sebutharga boleh di beli di **Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Barat, Rotan Tunggal, 27600 Raub, Pahang** mulai **Tarikh Lawatan Tapak** seperti di atas dengan menyertakan **wang pos berharga RM 20.00** yang di buat atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**". Bayaran secara Wang Tunai tidak akan diterima.
4. Kontraktor yang ingin membeli Borang Sebutharga dikehendaki membawa sijil asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Sijil Kewangan (dengan kod berkaitan), Sijil Taraf Bumiputera** dan **Sijil Kontraktor Pembangunan Hutan** yang masih sah laku tempohnya.
5. Dimaklumkan juga bahawa kenyataan tawaran sebutharga tersebut boleh di muat turun dengan melayari laman sesawang jabatan iaitu **<http://forestry.pahang.gov.my>**.
6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di **Pejabat Perhutanan Negeri** dan surat mestilah dialamatkan kepada **Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Tingkat 5, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang Darul Makmur**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Dikeluarkan oleh:
Unit Silvikultur Zon Pahang Barat
Pejabat Pembangunan Hutan Zon Pahang Barat
Rotan Tunggal,
27600 Raub, Pahang Darul Makmur

13 Januari 2023